



**LAPORAN LIPUTAN MEDIA HARIAN  
RABU 2 MAC 2022**

<b>BIL</b>	<b>TAJUK KERATAN AKHBAR</b>	<b>KEMENTERIAN / JABATAN / AGENSI</b>
1. 2.	TINGKATKAN PENGELUARAN AYAM, TELUR, NASIONAL, SINAR HARIAN -11 RM10 JUTA DIPERLU ATASI PINTU KAWALAN AIR ROSAK, HAKAH DAILY- ONLINE	KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN (MAFI).
3.	NAFAS METERAI MOU RM100J DI DUBAI, NASIONAL, SINAR HARIAN -5	PERTUBUHAN PELADANG KEBANGSAAN (NAFAS)
4.	90% PADI IADA MUSNAH, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -30	KAWASAN PEMBANGUNAN PERTANIAN BERSEPADU (IADA)
5. 6.	TELUK INTAN LUBUK UDANG GALAH, DALAM NEGERI, UTUSAN MALAYSIA -32 JAGA HAIWAN SEBAIKNYA, ELAK DISERANG KANSER, K2, KOSMO -22	LAIN-LAIN

UKKMAFI

UNIT KOMUNIKASI KORPORAT  
KEMENTERIAN PERTANIAN DAN INDUSTRI MAKANAN  
(UNTUK EDARAN DALAMAN MAFI, JABATAN DAN AGENSI SAHAJA)

# Tingkatkan pengeluaran ayam, telur



Idrus (tiga dari kanan) mewakili PPANS menyuarakan memohon berkecuali berkenaan masalah dihadapi penernak kepada Ronald untuk pertukaran MAFI.



Brian Lim (tiga dari kanan) memberi penerangan kepada Ronald berkenaan operasi pengeluaran telur di Ladang Ayam Penelus Selasih Aman Sdn Bhd di Hulu Selangor pada Sabtu.

**MAFI pastikan industri ayam dan telur kembali kepada kapasiti maksimum tanpa bergantung bekalan import**

Oleh NORAFIZA JAAFAR

HULU SELANGOR

**K**ementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) memastikan industri pengeluaran ayam dan telur dalam negara dapat kembali kepada kapasiti maksimum tanpa perlu bergantung kepada bekalan import.

Menterinya, Datuk Seri Dr Ronald Kiandee berkata, kerajaan memutuskan untuk menampung kos pengeluaran kepada penernak melibatkan subsidi sebanyak RM529 juta dalam tempoh empat bulan.

Menurutnya, langkah sementara tersebut diharapkan tidak berpanjangan dan pihaknya yakin negara mempunyai keupayaan menyediakan bekalan mengikut permintaan pasaran.

"Sebenarnya kita tidak pernah merimport ayam dan telur. Selama ini kita mampu mengeluarkan bekalan melalui kilang atau ladang ternakan yang ada dalam negara.

"Namun disebabkan oleh beberapa faktor telah menyebabkan kapasiti pengeluaran dalam kalangan penernak tidak mencukupi. Sebab itu, pada minggu lalu kerajaan terpaksa mengeluarkan kelulusan permit bagi syarikat membawa masuk ayam sejuk beku dari negara luar untuk menampung keperluan negara," ujarnya ketika mengulas isu kekurangan bekalan ayam dan telur dalam pasaran.

Beliau ditemui selepas mengadakan lawatan di Ladang Ayam Penelus

Selasih Aman Sdn Bhd dan Ladang Ayam Pedaging Id-Mar Broiler Sdn Bhd di sini pada Isnin.

Ronald menjelaskan, Malaysia bergantung sepenuhnya kepada import bagi makanan ternakan (dedak) dan peningkatan kos terhadap import tersebut memberi kesan kepada industri ternakan negara.

"Itulah yang berlaku ketika ini. Jika kita lihat harga kacang soya umpamanya naik daripada RM800 kepada RM1,700 bagi setiap tan metrik.

"Harga jagung juga meningkat lebih daripada 100 peratus yang memberi kesan secara langsung kepada industri ternakan negara," ujar beliau.

Susulan itu, katanya, untuk jangka masa panjang, pihak Kementerian perlu mengolah satu dasar untuk menggalakkan makanan ternakan terutama melibatkan penanaman jagung.

"Perubahan-perubahan dasar ini perlu dikaji semula dan ditambah baik bagi mengurangkan kebergantungan terhadap pengimportan jagung dari negara luar.

"Untuk mengurangkan kos, sudah tentu kita perlu mengusahakan penanaman jagung bagi industri ternakan negara kita. Kita banyak import jagung dari Brazil dan Argentina. Kacang soya pula kita import dari beberapa negara lain," jelasnya.

Katanya lagi, MAFI mendengar keluhan termasuk beberapa isu yang dikemukakan oleh pemain industri dan Kementerian akan mengangkat masalah tersebut bagi kepentingan industri penernakan keseluruhannya.

"Antaranya keperluan mempercepatkan proses pinjaman daripada institusi kewangan yang menawarkan pinjaman dalam sektor agromakanan selain isu memohon kebenaran merancang yang perlu mendapat kelulusan daripada pihak berkuasa tempatan.

"Isu ini bukan hanya tertakluk kepada MAFI tetapi perlu dibincangkan bersama dengan Kementerian lain terutama melibatkan kerajaan tempatan," tambahnya.

## Banyak masalah

Sementara itu, Pengerusi Persatuan Penternak Ayam Negeri Selangor (PPANS), Idrus Zainal Abidin berkata, kerajaan perlu segera menyelesaikan masalah dihadapi penernak bagi melancarkan pengeluaran supaya isu kekurangan bekalan ayam dan telur dalam pasaran tidak berpanjangan.

"Banyak masalah dihadapi penernak, antaranya dibebani kos permohonan kebenaran merancang selain baka serta makanan ternakan diterima tidak berkualiti," katanya.

Menurutnya, persatuan itu meminta operasi ternakan disatukan di bawah lesen veterinar yang menguruskan segala aspek supaya penernak tidak mengalami gangguan dalam proses penghasilan makanan untuk negara.

"Kami menghadapi banyak masalah seperti perlu berurusan dengan pihak berkuasa tempatan (PBT) untuk memohon kebenaran merancang bangunan. Bagi setiap permohonan, bayaran adalah RM140,000 manakala pelan bangunan kosnya RM25,000.

"Sektor penernakan disamakan dengan pembangunan, jadi saya minta diasingkan. Apabila disamakan, kos tersebut tidak masuk akal dan kita tidak mampu untuk sediakan terutama bagi penernak kecil," ujarnya.

Beliau berkata, disebabkan isu tersebut penernak hadapi kesukaran untuk membesarkan reban yang menjadi faktor kekurangan bekalan ayam pada masa kini.

"Kami minta urusan tersebut dipermudahkan. Biarlah kami ada satu lesen di bawah veterinar yang menguruskan

segalanya. Kalau banyak cabang susah untuk kami bergerak. Syarat itu melibatkan kos," tambahnya.

Pada masa sama, pihaknya berharap kerajaan mengatasi masalah anak ayam dan makanan ternakan tidak berkualiti dalam kalangan pengedar yang telah menjejaskan penghasilan ayam daging dalam pasaran.

"Baka dan makanan ayam tidak berkualiti menyebabkan ayam tidak membesar (tumbesaran terbantut) dengan berat kurang daripada dua kilogram.

"Kita tiada kuasa menegur pengeluar kerana sama-sama pemain industri dan yang boleh berbuat demikian hanya kerajaan," jelasnya.

Permintaan tinggi

Menurut Ketua Pegawai Eksekutif Selasih Aman Sdn Bhd, Brian Lim Jit Shen, tiada isu sorok bekalan atau tiada stok, sebaliknya permintaan tinggi dalam kalangan pengguna menyebabkan telur ayam di pasaran cepat habis.

Jelasnya, situasi tersebut kebiasaannya dihadapi pada musim perayaan.

"Contohnya, satu bulan sebelum perayaan permintaan telur akan meningkat untuk kegunaan buat kuih raya. Jadi pada masa itu mungkin hadapi masalah bekalan, bukan tidak ada barang cuma kuantiti bekalan tidak dapat ditambah," katanya.

Beliau berkata, buat masa ini pihaknya tidak berdepan masalah menghantar bekalan kepada pelanggan.

"Kami berkemampuan bekalkan telur kepada semua pelanggan jadi tiada isu gangguan kekurangan bekalan kepada pelanggan.

"Setakat ini juga tiada gangguan operasi dan harapnya tiada pada masa akan datang. Kilang kami menghasilkan 550,000 hingga 600,000 biji telur sehari," tambahnya.



IDRUS

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/3/2022	HARAKAH DAILY	ONLINE	

## RM10 juta diperlu atasi pintu kawalan air rosak



**PASIR PUTEH:** Peruntukan sebanyak RM10 juta diperlukan Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin Semerak untuk membaik pulih Pintu Kawalan Air Pasang Surut yang rosak di Kampung Gong Kulim sejak 2019.

Pengarahnya Rohani Jusoh berkata, tujuh daripada 10 pintu gate terbabit tidak berfungsi menyebabkan ia tidak dapat mengalirkan air keluar ke laut apabila berlaku hujan lebat.

Katanya, pembaikan perlu dilakukan bagi mengurangkan ancaman banjir di Pasir Puteh dalam tempoh terdekat.

"Lebih buruk lagi keadaan apabila bertembung dengan keadaan ombak pasang besar seperti kelmarin menyebabkan air mengalir keluar sangat perlahan menerusi tiga pintu sahaja," katanya di sini.

Hujan lebat yang berlaku baru-baru ini menjejaskan penanam tembikai di Pasir Puteh dan Bachok apabila tanaman mereka ditenggelami air.

Rohani berkata, peruntukan tersebut dimohon kepada Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) bagi mengatasi masalah tersebut.

Baru-baru ini viral di media sosial banjir yang berlaku di Pasir Puteh disebabkan tujuh daripada 10 pintu air tidak berfungsi dengan baik di Kampung Gong Kulim.

Menurutnya juga sekiranya pintu yang rosak itu diangkat menggunakan jentera kren dibimbangi berlaku kerosakan lebih teruk lagi apabila berlaku paras air laut lebih tinggi daripada daratan.

Pintu air berkenaan dibina pada 1994 dan siap 1998 membabitkan kos RM40 juta. Ia merintangi Terusan Semerak bertujuan mengurang ancaman banjir yang sering dihadapi penduduk di Pasir Puteh.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/03/2022	SINAR HARIAN	NASIONAL	5

# Nafas meterai MoU RM100j di Dubai

Beri manfaat kepada Malaysia dan UAE, pacu pertanian lestari

Oleh: NORSHAHZURA MAT ZUKI



**P**ertubuhan Peladang Kebangsaan (Nafas) menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) bernilai RM100 juta bersama ARJ Holding L.L.C (ARJ Holding), salah satu syarikat yang terbesar berpangkalan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu (UAE) untuk mengadakan usaha sama dalam perijajaan ternakan ruminan, perdagangan minyak masak dan pembuatan selulos dari bahan biomasa.

Majlis menandatangani MoU yang diadakan di Dubai, UAE disempurnakan oleh Ahli Jemaah Pengarah Nafas, Datuk Sylvester Entri Muran dan Presiden Kumpulan ARJ Holding, Shahab Ahmed Ramadhan Juma.

Turut menyaksikan perjanjian ini ialah Ahli Jemaah Pengarah Nafas yang juga Pengerusi Jawatankuasa Pelaburan Nafas, Mohammad Bahrin Abd Karim.

Hadir sama, Kaunselor Pejabat Perwakilan Pertanian (Dubai UAE), Mohd Zahurul Naqi Shoab; Pengurus Kanan Pengurusan Perniagaan, Baharozaman Mohid dan Pengurus Bahagian Pemasaran dan Promosi, Mohammad Fauze Tamim.

Mengulas lanjut mengenai MoU yang dimeterai, Entri berkata, kerjasama itu antara lain dapat menjalinkan hubungan



Entri (kiri, barisan hadapan) bertukar dokumen dengan Shahab (kanan, barisan hadapan) pada majlis MoU antara Nafas dan ARJ Holding yang diadakan di Dubai, baru-baru ini.

perniagaan bagi memacu pertanian lestari antara dua negara dan juga titik permulaan peluang perniagaan secara besar-besaran melalui teknologi terkini.

"Nafas percaya kerjasama sebegini akan digunakan untuk faedah bersama ARJ Holding dan menyumbang kepada penambahbaikan aktiviti yang dipersetujui," katanya dalam satu kenyataan pada Isnin.

Menurutnya, Nafas dan ARJ Holding akan menyediakan pengaturcaraan terperinci dalam mengenal pasti tanggungjawab masing-masing untuk melaksanakan perjanjian yang terdiri daripada perbincangan, perancangan strategi pelaburan dan pelaksanaan aktiviti pelaburan selepas pemeteraian MoU ini.

"Kedua-dua syarikat akan berusaha untuk

membantu dan menyokong di antara satu sama lain untuk skop kerjasama MoU ini yang akan memberi manfaat bersama kedua-dua pihak dan Malaysia serta UAE.

"Nafas akan berusaha mengambil langkah bagi menggalakkan kerjasama dalam menjalankan aktiviti pelaburan yang menguntungkan dan meningkatkan sinergi antara kedua-dua pihak mengikut kesesuaian semasa," katanya.

Majlis pemeteraian MoU itu diadakan bersempena pada minggu Pertanian Lestari Malaysia di Expo 2020 Dubai.

Ini adalah satu inisiatif penting yang akan memacu dan meningkatkan peluang pelaburan dan kerjasama dalam pertanian lestari.

Pelbagai program menarik dianjurkan Nafas pada minggu berkenaan antaranya sesi 'pocket talk',

**Kedua-dua syarikat akan berusaha untuk membantu dan menyokong di antara satu sama lain untuk skop kerjasama MoU ini yang akan memberi manfaat bersama kedua-dua pihak dan Malaysia serta UAE."**

'business matching', sesi pengenalan produk Peladang dan demo masakan oleh Chef Rene.

Nafas berada di Dubai sempena Ekspo 2020 Dubai dari 20 Februari hingga 26 Februari di Pavilion Malaysia yang dihoskan oleh Kementerian Pertanian dan Industri Makanan (MAFI) dengan Malaysian Bioeconomy Development Corporation (Bioeconomy Corporation) sebagai agensi pelaksana.



Entri (tapan dari kanan) dan Shoab (tengah dari kiri) bersama delegasi kedua-dua negara selepas memeterai MoU berkenaan yang diadakan di Dubai, baru-baru ini.



Mohammad Bahrin menyampaikan ucapan pembukaan pada majlis MoU berkenaan.

2/03/2022

UTUSAN

DALAM

30

MALAYSIA

NEGERI

# 90% padi IADA musnah

## Oleh TOREK SULONG

utusanews@mediamulla.com.my

**PASIR PUTEH:** Kira-kira 90 peratus tanaman padi di Kawasan Pembangunan Pertanian Bersepadu (IADA) Kemasin-Semerak musnah akibat banjir luar jangka yang berlaku sejak kelmarin.

Pengarah IADA Kemasin-Semerak, Rohani Jusoh berkata, sebahagian 6,500 hektar kawasan tanaman padi dalam kawasan operasi IADA terutama di Pasir Puteh mengalami kerosakan teruk.

Menurutnya, kawasan operasi IADA melibatkan dua daerah iaitu Pasir Puteh dan Bachok dengan jumlah seramai 1,400 petani yang memanfaatkan sistem saliran dan pengairan serta insentif lain-lain bantuan.

"Kemusnahan teruk melibatkan daerah Pasir Puteh manakala di Bachok tidak sedemikian. Kita akan berusaha mendapatkan data kerugian sebenar untuk memohon bantuan bagi meredakan beban petani terbabit.

"Kami melihat rungutan petani termasuk video yang tular di media sosial. Saya dan pegawai IADA sentiasa turun padang bukan sahaja meninjau perkembangan air pasang surut dan fungsi pintu kawalan air sama ada berfungsi atau sebaliknya," katanya ketika dihubungi *Utusan Malaysia*.

Rohani turut mengesahkan tujuh pintu kawalan pasang surut air Tidal Gate Gong Kulim yang mengalami kerosakan



**KEADAHAN** padi terendam air di sekitar kawasan operasi IADA di Pasir Puteh, Kelantan. - UTUSAN/TOREK SULONG

sebagaimana dakwaan petani yang menyebabkan tanaman mereka ditenggelami air sepanjang hujan lebat.

Katanya, hanya tiga pintu sahaja yang berfungsi dan boleh mengalirkan air ke laut menerusi Terusan Tok Bali namun bergantung kepada ukuran dan beza antara ketinggian air laut dan daratan sebelum pintu kawalan air dibuka.

"Ada pegawai yang bertugas 24 jam di Tidal Gate termasuk di Tidal Gate Kampung Lembah yang menyediakan enam pintu pelepasan air daratan.

"Kita tidak membuka mana-mana pintu yang masih berfungsi apabila air laut keadaan tinggi daripada air daratan yang boleh mengundangi musibah baharu. Pertembungan air pasang besar dan taburan hujan yang

melibatkan fenomena cuaca luar jangka tidak mampu kita tangani kerana ia adalah ketetapan Allah," ujarnya.

Rohani berkata, setiap satu pintu kawasan air yang rosak melibatkan kos RM1 juta untuk kerja pembaikan semula di mana IADA memerlukan RM7 juta untuk memulihkan semula tujuh unit pintu yang telah lama mengalami kerosakan.

2/03/2022

UTUSAN  
MALAYSIADALAM  
NEGERI

32

# Teluk Intan lubuk udang galah



SAYED Azman Sayed Ahmad menunjukkan udang galah yang diperolehi di Sungai Perak bersama nelayan yang lain selepas balik daripada memancing di Teluk Intan semalam. - UTUSAN/AIN SAFRE BIDIN

**TELUK INTAN:** Perairan Sungai Perak di sini yang menjadi lubuk udang galah menjadi tumpuan kaki pancing saban minggu dan cuti umum.

Ketua komuniti perikanan di sini, Sayed Azman Sayed Ahmad, 52, berkata, sungai di daerah ini sememangnya terkenal dengan habitat udang galah sehingga menjadi tumpuan kaki pancing dari luar daerah dan negeri ini.

Menurutnya, kehadiran pemancing luar bertambah pada hujung minggu dan cuti umum untuk merasai pengalaman menarik umpan yang dimakan udang galah.

Biasanya penguji akan

ke Jeti Dataran JPS di sini yang sinonim sebagai lokasi permulaan untuk menyusuni sungai menaiki bot sebelum memancing udang galah di lokasi yang menjadi lubuk udang.

"Di sini, pemancing boleh menyewa bot untuk memancing. Terdapat kira-kira 500 bot sewa yang disediakan dengan kadar RM50, RM80 hingga RM280 bergantung kepada jumlah penumpang.

"Pemancing juga boleh menuknati juadah di sebuah restoran di sini.

"Biasanya pemancing jarang hampa jika memancing di sini, hasil udang yang dipancing memuaskan hati," katanya ketika

ditemui *Utusan Malaysia*.

Menurutnya, kawasan di sini menjadi lubuk udang kerana kualiti airnya sesuai untuk hidupan tersebut membiak. Tambahan pula, Jabatan Perikanan Perak melepaskan bembih udang galah di perairan Sungai Perak.

Sementara itu, seorang pemancing, Sayed Falzal Sayed Ahmad, 46, berkata, memancing di sini jarang menghamparkannya apabila sering beroleh hasil yang memuaskan. Biasanya setiap kali turun memancing di sini, dia membawa pulang kira-kira 20 ekor udang galah sepih biru bersaiz besar.

"Udang di perairan di sini bersaiz besar dan rasanya sedap," ujarnya.

TARIKH	MEDIA	RUANGAN	MUKA SURAT
2/03/2022	KOSMO	K2	22



SAMA seperti manusia, haiwan peliharaan juga terdedah dengan penyakit kronik seperti kanser. - GAMBAR HIASAN

# Jaga haiwan sebaiknya, elak diserang kanser

**Varia**

Oleh **DR. SUJEI KUMAR RAJENDREN**

**H**AIWAN peliharaan yang popular dalam kalangan manusia termasuklah kucing, anjing dan burung. Terdapat juga segelintir masyarakat yang gemar menjadikan haiwan eksotik seperti ular dan iguana sebagai haiwan peliharaan.

Apa yang penting, setiap individu yang mempunyai haiwan peliharaan harus sedar akan tanggungjawab mereka dalam menjaga kebajikan haiwan terbahagi seperti pemberian makanan yang mencukupi dari segi jumlah dan nutrisi, termasuklah pemeriksaan kesihatan berkala.

Seperti manusia, haiwan juga terdedah kepada pelbagai serangan penyakit termasuklah kanser.

Kanser yang juga dikenali sebagai barah adalah ketumbuhan sel tidak mengikut kadar normal.

Berbalik kepada haiwan peliharaan, haiwan yang mengalami kanser dapat dikesan pertumbuhan tumor sekiranya dilakukan pemeriksaan lebih awal.

Jangka hayat haiwan peliharaan yang pendek menyebabkan kanser boleh dikenal pasti dengan lebih cepat.

Pada awal tahun 1980, sekumpulan penyelidik di Philadelphia, Amerika Syarikat yang diketuai Lawrence T Glickman daripada Sekolah Perubatan Veterinar, Universiti Pennsylvania

menyatakan, kehidupan manusia yang terdedah kepada asbestos menjurus kepada kanser paru-paru seawal 20 tahun selepas pendedahan.

Bagaimanapun, anjing yang terdedah kepada asbestos menunjukkan pertumbuhan kanser dalam jangka masa sembilan tahun selepas pendedahan.

Bellau menyatakan lagi, perkara itu boleh diguna pakai untuk mengenal pasti kanser pada manusia jika terdapat penyakit itu pada haiwan.

Hasil dapatan kajian ini digunakan untuk mengenal pasti kesan dan kadar pendedahan asbestos berpanjangan terhadap manusia.

Kanser pada haiwan termasuklah kanser tulang, kanser payu dara (mammary), kanser prostat, kanser kulit dan sebagainya.

Doktor veterinar mengenal pasti pertumbuhan tumor pada haiwan ini dengan melakukan pemeriksaan sitologi.

Ini adalah pemeriksaan bentuk sel yang diambil daripada ketumbuhan.

Selain sitologi, doktor veterinar juga akan menjalankan kaedah biopsi.

Biopsi adalah pemeriksaan tisu kanser dan pemeriksaan ini bertujuan untuk memahami keadaan serta tahap teruk atau tidak sesuatu kanser tersebut.

Rawatan kanser pada haiwan peliharaan boleh dilakukan melalui kimoterapi atau pembedahan, mahupun kombinasi antara kedua-duanya.

Pada masa kini, kemajuan dalam bidang pembedahan memberi kelebihan kepada pakar-pakar haiwan untuk merawat haiwan peliharaan yang terkesan.

Namun begitu, terdapat beberapa amalan yang biasa dilakukan oleh

pemilik haiwan peliharaan yang mungkin menyumbang kepada masalah kanser pada haiwan kesayangan mereka dan ia perlu dielakkan.

Sebagai contoh, pengembirian atau lebih dikenali sebagai kasi dalam kalangan masyarakat.

Pengembirian adalah pembedahan yang dilakukan pada organ reproduktif haiwan untuk menghalang pembiakan.

Oleh itu, pemilik haiwan peliharaan perlulah mendapatkan nasihat daripada pakar-pakar kesihatan haiwan atau veterinar untuk mengetahui kesan pengembirian ini dengan lebih lanjut.

Kesihatan haiwan peliharaan sama penting seperti kesihatan pada manusia.

Haiwan tidak boleh bercakap untuk memberitahu kita mengenai masalah kesihatan

yang dialami oleh mereka.

Oleh itu, kita perlulah peka dan bertanggungjawab dengan memberi penjagaan optimum kepada haiwan peliharaan.

Mencegah lebih baik daripada mengubati, maka pengesanan dan rawatan awal penting untuk memastikan haiwan peliharaan kita kekal sihat dan sejahtera.

Dalam pada itu, terdapat banyak rumah penjagaan haiwan terbiar yang memerlukan bantuan kewangan untuk tujuan penjagaan kesihatan haiwan tersebut.

Sebagai rakyat yang prihatin, kita boleh menyumbangkan bantuan untuk kesejahteraan sejagat.

DR. SUJEI KUMAR RAJENDREN ialah Pensyarah di Fakulti Perubatan Veterinar Universiti Malaysia Kelantan (UMK).

**PERTUMBUHAN** kanser pada anjing yang terdedah kepada asbestos boleh berlaku dalam masa sembilan tahun sahaja. - GAMBAR HIASAN

